

**Badan Korporat Malaysia Perlu Laksana Tanggungjawab Sosial - Rosmah  
Bernama  
1 Oktober , 2011**

GENTING HIGHLANDS, 1 Okt (Bernama) -- Badan korporat di Malaysia perlu melaksanakan tanggungjawab sosial bagi membantu golongan yang memerlukan dalam usaha merealisasikan konsep 1Malaysia, kata isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Beliau berkata selaku warga korporat yang prihatin, mereka seharusnya terus memupuk amalan menyumbang semula kepada masyarakat.

Rosmah berkata demikian pada majlis meraikan lebih 500 kanak-kanak istimewa dari Selangor, Kuala Lumpur dan Pahang sempena sambutan Aidilfitri serta Hari Kemerdekaan, anjuran sebuah syarikat terkemuka di sini hari ini.

"Apa yang pasti, sebagai sebuah negara yang prihatin dan penyayang, kita sentiasa memastikan mereka membesar dan dikelilingi masyarakat yang peka dan mengambil berat," katanya.

Rosmah berkata penganjuran program seumpama itu menunjukkan tiada golongan yang disisihkan memandangkan mereka adalah aset negara.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617040>